

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDY) anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDY) - Insurans Penghospitalan dan Pembedahan?

Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDY) – Insurans Penghospitalan dan Pembedahan adalah skim insurans hospital dan pembedahan yang boleh diperbaharui setiap tahun, direka untuk mengurangkan beban kewangan pelarian dan pencari suka sekiranya dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat akibat kemalangan atau penyakit.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM105.00 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

| | | |
|--------------|--|---|
| Perlindungan | Had Tahunan Keseluruhan: RM20,000 setiap orang yang diinsuranskan | |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Bilik Hospital & Makanan Harian (Maksimum sehingga 30 hari) • Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari) • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bilik Bedah • Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi pemindahan organ) • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Doktor dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari) • Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari) • Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan | <p>Bayaran yang dikenakan mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makanan Harian Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160.00 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 2014.</p> |

Insurans perubatan dan kesihatan anda tidak melindungi:

- Penyakit sedia ada;
- Penyakit tertentu;
- Pembedahan plastik/kosmetik;
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian;
- Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- Keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan;
- Bunuh diri atau percubaan bunuh diri;
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDY) kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di

allianz.com.my/personal/partnership/remedy.html



Emel kami di

customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDI) ini, anda mesti membayar premium:

| | |
|-------------------|-------------------------|
| Perlindungan Asas | RM105.00 setahun |
|-------------------|-------------------------|

Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah **RM105.00**.

Di mana ini termasuk:

| | |
|---------|--|
| Komisen | 10% daripada premium atau RM10.50 |
|---------|--|

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

| | |
|-------------------------------------|----------------|
| Managed Care Organization (MCO) Fee | RM16.20 |
|-------------------------------------|----------------|

| | |
|------------|----------------|
| Duti Setem | RM10.00 |
|------------|----------------|

| | |
|--------------------|--|
| Cukai Perkhidmatan | 8% daripada premium atau RM8.40 |
|--------------------|--|

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Orang yang layak untuk insurans di bawah polisi ini adalah pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di Malaysia.
- Had umur terpakai: Dari lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh (60) tahun.
- Perlindungan Anda tertakluk kepada tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari yang dikira dari permulaan tempoh insurans untuk tahun pertama perlindungan Anda atau tarikh pengembalian semula, mana-mana yang berkenaan. Kami tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran di bawah perlindungan Anda di bawah Polisi Induk ini termasuk manfaat kematian dan hilang upaya kekal akibat sebarang kemalangan yang berlaku semasa tempoh tangguh ini.
- Premium insurans yang perlu dibayar dan diterima oleh Allianz yang diberi kuasa dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bermulanya polisi.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Anda boleh menamatkan polisi ini dengan memberikan notis penamatan kepada Kami dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh kami menerima notis atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana lebih lewat.
- Kadar tempoh pendek berikut hendaklah dikenakan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans yang wujud pada masa itu.

| Tempoh Insurans (Tidak Melebihi) | Bayaran Balik Premium Tahunan |
|------------------------------------|-------------------------------|
| Lima belas (15) hari | 90% |
| Satu (1) bulan | 80% |
| Dua (2) bulan | 70% |
| Tiga (3) bulan | 60% |
| Empat (4) bulan | 50% |
| Lima (5) bulan | 40% |
| Enam (6) bulan | 30% |
| Tujuh (7) bulan | 20% |
| Lapan (8) bulan | 15% |
| Sembilan (9) bulan | 10% |
| Sepuluh (10) bulan | 10% |
| Sebelas (11) bulan | 5% |
| Tempoh melebihi sebelas (11) bulan | Tiada bayaran balik |

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).